

24/06/2001

Dr M gembira ahli kembali bersemangat

in; Hafizah Iszahanid

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, gembira kerana ahli Umno benar-benar kembali bersemangat untuk meneruskan perjuangan parti bagi memartabatkan agama, bangsa dan negara.

Presiden Umno berkata, terdapat perubahan tulen di kalangan ahli parti yang jelas menyokong cadangan dikemukakan pada perhimpunan agung kali ini untuk merekayasa parti.

"Saya tengok ada perubahan. Anda boleh tengok sendiri reaksi mereka, luar biasa. Mereka benar-benar menyokong cadangan kita.

"Saya fikir ini adalah tulen. Mungkin orang lain kata ini sandiwara, mungkinlah. Tetapi bagi saya ia cukup tulen," katanya pada sidang akhbar selepas Perhimpunan Agung Umno Ke-55 yang berakhir di sini, petang semalam.

Ditanya adakah Umno kini dalam dilema kerana semakin ramai orang Melayu menjadi golongan elit, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata: "Umno pun dilema."

Bagaimanapun, katanya, ada pihak yang tidak mahu mengakui kejayaan Umno memajukan bangsa atau melihat ada orang Melayu yang mencapai kejayaan.

Dr Mahathir berkata, pihak ini tidak akan senang sehingga orang Melayu yang mencapai kejayaan hasil perjuangan Umno dijatuhkan kerana mereka dituduh sebagai kroni kerajaan.

"Ada pihak yang sengaja tidak mahu iktiraf kejayaan Umno. Mereka tidak ingin melihat orang Melayu mencapai kejayaan. Jika dia capai kejayaan, dia itu kroni kerajaan.

"Hari ini (ruangan kartun) Senyum Kambing pun tanya kenapa daripada empat jutawan Malaysia tiada seorang pun Melayu. Bila nak ada Melayu? Tak boleh ada Melayu selagi ada perasaan iri hati terhadap orang Melayu.

"Apabila naik sikit nak kena tarik turun. Sampai bila nak boleh naik?" katanya.

Ditanya apakah beliau akan merombak Kabinet berikutan kekosongan jawatan Menteri Kewangan, Dr Mahathir berkata, ia tidak perlu kerana beliau hanya perlu melantik seseorang untuk mengisi kekosongan itu.

"Kenapa perlu ada rombakan Kabinet? Saya boleh melantik sesiapa. Tidak semestinya jawatan itu perlu diisi oleh mana-mana menteri... saya boleh melantik sesiapa," katanya.

Menjawab soalan wartawan Singapura mengenai kemungkinan suatu hari nanti Perdana Menteri tidak semestinya Presiden Umno, Dr Mahathir secara sinis menjawab:

"Anda bebas membuat spekulasi... apa pun mungkin. Malahan boleh ada Menteri Kanan di sini... kekalkannya dalam keluarga."

Dr Mahathir terus disoal wartawan asing mengenai pembelian Nanyang Press oleh sayap pelaburan MCA, bagaimanapun beliau sekali lagi memulangkan paku buah keras kepada mereka.

"Media Cina cuba mengheret saya ke dalam kontroversi mengenai pembelian Nanyang ini. Media Barat sentiasa melaporkan pembbohongan mengenai kami. Justeru, sudah tiba masanya mereka membuat muhasabah diri.

"Ini adalah sebuah negara yang amat liberal. Satu-satunya negara di dunia, di mana kaum Cina yang menetap di negara ini dibenarkan untuk memiliki sekolah sendiri, menggunakan bahasa mereka dalam pembelajaran, malahan sekolah berkenaan dibiayai kerajaan kecuali pada peringkat tertentu.

"Di negara lain termasuk negara maju yang kononnya amat liberal, mereka

tidak mempunyai sekolah seperti ini," katanya.

Ditanya sama ada itu bermakna masyarakat Cina negara ini harus berdiam diri, Dr Mahathir berkata:

"Saya berkata kaum Cina di Australia, Amerika Syarikat dan lain-lain patut dibenarkan mempunyai sekolah mereka sendiri, menggunakan bahasa mereka... perkara-perkara yang dinikmati kaum Cina Malaysia.

"Kaum Cina di Australia dan Amerika Syarikat patut dibenarkan meluahkan pendapat mereka sendiri," katanya.

Sementara itu, ketika ditanya mengapa beliau perlu memberi peringatan kepada media Cina ketika menggulung perbahasan, Dr Mahathir berkata ia terpulang kepada tanggapan masing-masing.

(END)